

**Pemuda PAS WP sokong Hasan
Malaysiakini.com
January 14, 2011**

Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan (DPPWP) menyokong pandangan Datuk Dr Hassan Ali yang mahukan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menguatkuasakan larangan umat Islam bekerja di premis menjual arak.

"DPPWP merasa kagum terhadap Datuk Dr Hassan yang bertegas dengan prinsip Islam," kata naib ketua Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan, Mohamad Suhaimi Abdul Aziz.

"Hukum Islam telah jelas menyatakan haram bagi umat Islam bekerja di premis yang menyediakan minuman keras apatah lagi meminumnya.

"Tindakan beliau dengan jelas membuktikan bahawa PAS tidak pernah menggadaikan prinsip dan maruahinya meskipun bersahabat dengan pelbagai parti politik," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohamad berkata, dasar PAS yang berjuang untuk Islam sejak dahulu hingga kini tidak pernah berubah walaupun bermacam halangan yang melanda.

"Ini juga membuktikan bahawa PAS dan Pakatan Rakyat jauh bezanya dengan Umno dan Barisan Nasional," tegasnya.

DPPWP juga, katanya, menyokong dan mengucapkan tahniah kepada MPSJ kerana mahu melaksanakan larangan ini.

"Penguatkuasaan ini akan mampu mengelakkan umat Islam terjebak dengan maksiat dan dosa kerana bergelumang dengan perkara-perkara yang haram.

"Perkara-perkara haram sebeginilah yang menyebabkan kurangnya keberkatan kepada rezeki yang diperolehi sehingga melahirkan generasi yang rosak akhlak dan akidah," kata Mohamad.

Sebelum ini, katanya, MPSJ telah menguatkuasakan larangan umat Islam bekerja di tempat menjual minuman keras namun arahan itu telah ditarik balik oleh Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ronnie Liu.

"DPPWP turut mengharapkan agar YB Ronnie Liu melaksanakan segera peraturan mengharamkan umat Islam bekerja di premis jualan minuman keras demi kemaslahatan umat Islam.

"Umat Islam di Selangor khususnya terlalu lama menginginkan kehidupan yang diberkati, jauh daripada dosa dan perkara-perkara yang haram," katanya.